

إنما  
يُنْشَى  
الله  
مِنْ  
بِرَادِهِ  
العلماء

Volume 20, No. 1 February 2023

JOURNAL OF

*Islam in Asia*

A Refereed International Biannual Arabic – English Journal

JOURNAL OF *Islam in Asia*

Volume 20, No. 1 February 2023

ISSN: 1823-0970 E-ISSN: 2289-8077

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA



# ***Journal of Islam in Asia***

SPECIAL ISSUE: ISLAMIC CONTEMPORARY RESEARCH

Selected Papers from the International Conference on Islamic  
Contemporary Studies and Management 2021 (ICICM2021)

## **EDITOR-in-CHIEF**

Abdul Salam @ Zulkifli B.Muhamad Shukri

## **EDITOR**

Noor Azlan B. Mohd Noor

## **ASSOCIATE EDITOR**

Homam Altabaa

## **GUEST EDITORS**

Homam Altabaa

Mohd Aizul B. Yaakob

Mohammad Dhiya'ul Hafidh B. Fatah Yasin

Raudlotul Firdaus B. Fatah Yasin

Kamel Ouinez

## **COPY EDITOR**

Nur Mashitah Wahidah Bt. Anuar

---

## **EDITORIAL ADVISORY BOARD**

---

### **LOCAL MEMBERS**

Abdel Aziz Berghout (IIUM)  
Muhammed Mumtaz Ali (IIUM)  
Nadzrah Ahmad (IIUM)  
Rahmah Bt. A. H. Osman (IIUM)  
Sayed Sikandar Shah (IIUM)  
Saidatolakma Mohd Yunus (IIUM)  
Thameem Ushama (IIUM)

### **INTERNATIONAL MEMBERS**

Abdullah Khalil Al-Juburi (UAE)  
Abu Bakr Rafique (Bangladesh)  
Anis Ahmad (Pakistan)  
Fikret Karcic (Bosnia)  
Muhammad Al-Zuhayli (UAE)  
Zafar Ishaque Ansari (Pakistan)

Articles submitted for publication in the *Journal of Islam in Asia* are subject to a process of peer review, in accordance with the normal academic practice.

© 2023 by **International Islamic University Malaysia**

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, translated, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior written permission of the publisher.*



E-ISSN: 2289-8077

# **Hebahan Pernikahan Menerusi Media Sosial : Penelitian Mengikut Hukum Syarak dan Situasi Semasa Terhadap Ekonomi**

## **Announcing Marriage Through Social Media: A Research Based on Shariah Law and The Current Economic Situation**

Azhan Taqiyaddin bin Arizan\*, Nor Musfirah binti Mohammad, \*\* dan Shahirah Nadiah binti Shaharuddin\*\*\*

### **Abstrak**

Pernikahan adalah suatu syariat Islam yang indah dan diadakan Walimatul 'Urus adalah sesuatu yang seringkali dilakukan dalam keraian pasangan serta hebahan sesuatu pernikahan. Hikmah Walimatul 'Urus adalah dapat memberi informasi atau mengiklankan dan menghebahkan pernikahan secara pantas pada era kini. Penelitian ini akan membahaskan tentang hukum dan etika syariah yang berkait dengan hebahan pernikahan dalam media sosial tanpa Walimatul 'Urus bagi pasangan atau golongan yang tidak berkemampuan kerana kenduri kendara adalah majlis resepsi yang akan menggunakan perbelanjaan yang tinggi dari sudut kewangan. Pemerhatian bebanan ekonomi dari sudut kemampuan kewangan pasangan pengantin atau ahli keluarga bagi mengadakan Walimatul 'Urus serta mengambil langkah hanya menggunakan kaedah hebahan pernikahan di media sosial sahaja akan melengkapi tujuan utama penelitian dalam penulisan ini. Kajian ini menggunakan metode kajian pustaka dengan penggunaan analisis normatif-komparatif, data kualitatif juga akan dianalisis sebagai dapatan hasil kajian. Hebahan pernikahan adalah perkara penting dalam mengelak perkara negatif seperti tuduhan zina berlaku. Penggunaan media sosial masa kini akan memberi kesan positif terhadap penyampaian sesuatu hebahan pernikah. Hasil kajian mendapati keharusan menyebarluaskan pernikahan dalam media sosial sahaja tanpa Walimatul 'Urus telah melengkapi syariat Islam bagi pasangan tidak berkemampuan dari sudut situasi semasa terhadap kos perbelanjaan Walimatul 'Urus.

---

\* Pensyarah, Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis, Email : azhan@kuips.edu.my

\*\* Pensyarah, Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis, Email : musfirah@kuips.edu.my

\*\*\* Pensyarah, Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis, Email : shahirah@kuips.edu.my

## **Hebahan Pernikahan Menerusi Media Sosial : Penelitian Mengikut 242 Hukum Syarak dan Situasi Semasa Terhadap Ekonomi**

**Kata Kunci:** Pernikahan, Walimatul 'Urus , Perbelanjaan, Media Sosial,Tidak Berkemampuan, Situasi Semasa.

### **Abstract**

Marriage is known as one of the beautiful commandments in Shariah law and on the other hand Walimatul Urus is a wedding reception where guests would feast to celebrate the matrimonial unity of the bride and groom after a nikah solemnization is done. The intention of a Walimatul Urus is to announce publicly about the marriage of a couple promptly in this era. Hence, this research will discuss matters related to Shariah law and ethics on announcing a marriage through social media without conducting a Walimatul Urus for couples or groups who can't afford it as holding a wedding reception will consume high expenses on financial side. Observing the economic state of a couple or their family's financial ability to hold a wedding reception, revealing the marriage on social media works as a wise action. And with that, it complements the main purpose of this research. This study implements literature review method by analysing normative-comparative data. Besides that, qualitative data also will be evaluated as a result of this research. Marriage announcement are important to avoid any negative thoughts such as accusing of adultery towards couples. Using social media as a medium to deliver an announcement regarding a marriage has given positive effects. Thus, results from this study has found that spreading the news of a marriage on social media alone is adequate from the perspective of Shariah view without holding a Walimatul Urus and at the same time understand the situation of a couple in facing the wedding reception cost.

**Keywords:** Marriage, Walimatul 'Urus, Expenses, Social Media, Incapacity, Current Situation.

### **Pengenalan**

Pernikahan adalah perkara yang dituntut dalam syariat Islam. Pernikahan juga antara amalan Sunnah Rasulullah SAW yang sangat digalakkan kepada umat Islam seperti mana Rasulullah SAW bersabda :

*"Nikah itu sunnahku, barang siapa yang tidak suka,  
maka ia bukan dari  
golonganku!"*

(Hadis Riwayat Ibnu Majah)

Fitrah manusia tidak kira lelaki atau perempuan lazimnya saling memerlukan antara satu sama lain. Dorongan sifat kasih sayang, ketenangan dan mahu nasab keturunan itu adalah fitrah yang umum sebagai seorang manusia. Pernikahan akan menyebabkan seseorang

**243 Azhan Taqiyaddin bin Arizan, Nor Musfirah binti Mohammad, and Shahirah Nadiah binti Shaharuddin**

insan itu mampu mendapat apa yang dihajati dari sudut emosi, fizikal dan semangat sebagaimana Allah telah berfirman yang bermaksud :

*dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatnya,  
Bahaha ia menciptakan untuk kamu (Wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikannya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya Yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang Yang berfikir.*  
(al-Rum: 21)

Ikatan akad suci pernikahan memerlukan adanya persetujuan bagi ke dua - dua belah pihak bagi bertujuan mewujudkan suasana kehidupan rumah tangga yang sakinah, mawaddah dan rahmah. Hal sedemikian akan menghasilkan hikmah yang dapat mengingati kebesaran Allah seperti mana Allah telah berfirman dalam surah Al-Dzariyat (51):49 :

*“Dan segala sesuatu Kami ciptakan berpasang-pasangan supaya kamu mengingat kebesaran Allah.”*

Oleh itu sebagai seorang Muslim pastinya akan memilih dan memastikan aktiviti pernikahan memenuhi kriteria syariah seperti amalan soleh bagi menjamin rezeki dari makan dan minum yang halal dan menolak perkara yang haram sebagaimana Rasulullah SAW bersabda :

عن أبي هريرة - رضي الله عنه - عن النبي - صلى الله عليه وسلم - قال: إِنَّ اللَّهَ طَبِّبَ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيْبَةً، وَإِنَّ اللَّهَ أَمَرَ الْمُؤْمِنِينَ بِمَا أَمَرَ بِهِ الْمُرْسَلِينَ، فَقَالَ: {يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُّوا مِنَ الطَّيَّابَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا، إِنَّمَا تَعْمَلُونَ عَلَيْهِ} [المؤمنون: 51] وَقَالَ: {يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آتَيْنَاكُمُوا مِنْ طَيَّابَاتٍ مَا رَزَقْنَاكُمْ} [البقرة: 172] ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلَ يُطْلِيلُ السَّفَرَ أَشْتَهِتُ أَغْبَرَ، يَدْعُ يَدِيهِ إِلَى السَّمَاءِ، يَا رَبِّي، يَا رَبِّي، وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ، وَمَسْرِيَّهُ حَرَامٌ، وَمَلْسَسُهُ حَرَامٌ، وَعُدَى بِالْحَرَامِ، فَأَنَّى يُسْتَحْجَبُ لِذَلِكَ؟

**Hebahan Pernikahan Menerusi Media Sosial : Penelitian Mengikut 244  
Hukum Syarak dan Situasi Semasa Terhadap Ekonomi**

**Maksudnya** “Sesungguhnya Allah Ta'ala Maha Baik dan hanya menerima yang baik. Sesungguhnya Allah telah memerintahkan orang-orang yang beriman untuk (melakukan) perintah yang disampaikan kepada para nabi. Kemudian beliau membaca firman Allah, ‘Wahai rasul-rasul, makanlah dari makanan yang baik-baik dan kerjakanlah amalan yang soleh.’ Dan firman-Nya, ‘Wahai orang-orang yang beriman, makanlah dari makanan yang baik yang telah Kami anugerahkan kepadamu. ’Kemudian beliau menceritakan seorang lelaki yang melakukan perjalanan jauh (lama), tubuhnya diliputi debu lagi kusut, dia menadah tangannya ke langit dan berdoa, ‘Ya Rabbku, ya Rabbku’. Akan tetapi makanannya haram, minumannya haram, dan ia diberi makan dengan yang haram. Maka bagaimana mungkin doanya dikabulkan?”

(Riwayat Muslim no.1015)

Perkahwinan adalah suatu keadaan yang diraikan dengan rasa syukur dan gembira. Hal ini menyebabkan keperluan Walimatul 'Urus yang akan melibatkan aktiviti setelah selesai ijab dan qabul dalam akad pernikahan. Peristiwa Walimatul 'Urus adalah bertujuan untuk hebahan bagi memberitahu masyarakat bahawa pasangan telah di ijab kabulkan dengan akad pernikahan yang sah disisi syarak. Walaubagaimanapun, perkahwinan yang melibatkan Walimatul 'Urus dilihat sebagai sesuatu yang menyukarkan lantaran melibatkan pelbagai perbelanjaan sebagaimana *trend* upacara kenduri kendara masa kini yang dipenuhi adat dan syarat tambahan yang sukar ditinggalkan akan menyusahkan pasangan pengantin. Namun, perbelanjaan tersebut juga merangkumi keseluruhan perbelanjaan sebagaimana yang dianjurkan syariat dan *uruf*. Maka, tidak hairanlah, apabila Rasulullah SAW menyeru kepada setiap Insan di muka atas bumi ini untuk bernikah bagi yang telah mempunyai kemampuan. Namun suruhan ini perlu dipandang sebagai sesuatu yang tidak sukar dan dapat disambut oleh semua umat Islam. Syh Noorul Madihah, Raihanah & Asmak (2016).

Tidak dinafikan, masa kini penggunaan media sosial berkembang pesat dalam kalangan masyarakat dunia. Masyarakat pada hari ini lebih gemar untuk mencari maklumat dalam laman sosial berbanding mendapatkannya secara bersemuka. Media sosial dapat menyediakan pelbagai medium hebahan untuk berinteraksi dan

**245 Azhan Taqiyaddin bin Arizan, Nor Musfirah binti Mohammad, and Shahirah Nadiah binti Shaharuddin**

berkomunikasi serta memaklumkan sesuatu hal. Noor Shakirah (2006) menjelaskan bahawa penggunaan teknologi dalam media sosial ini dapat memperkembangkan Islam seantero dunia dalam jangka waktu yang singkat sahaja kerana semuanya berada di hujung jari (Anwar, 2017; Azman, 2018; Doni, 2017; Fatmawati, 2017; Fitriani, 2017; Gunawan, 2017; Kurniasih, Rahim, K. H. M. H. A., 2017; Sherlyanita & Rakhmawati, 2016; Watie, 2016).

Namun begitu, kemudahan media sosial sebagai hebahan sesuatu pernikahan boleh digunakan secara meluas dan tidak boleh disalah gunakan oleh segelintir masyarakat yang tidak bertanggungjawab. Penggunaan hebahan melalui media sosial yang tidak berlandaskan nilai Islam mampu mendatangkan keburukan kepada masyarakat Islam terutamanya. Oleh itu hebahan pasangan yang telah selesai akad nikah melalui Media sosial pada masa kini boleh di aplikasikan dalam masyarakat muslim dengan penuh beretika bagi memenuhi tuntutan syariat hebahan dan makluman pernikahan kepada masyarakat sekeliling. Hebahan ini dapat menegah tuduhan zina dalam kalangan masyarakat dan mengelakkan perbelanjaan bagi Walimatul 'Urus tidak mendatangkan kemudarat kepada pasangan pengantin.

**Permasalahan Kajian**

Dalam konteks majlis kenduri atau Walimatul 'Urus adalah suatu tuntutan dalam agama Islam, Walimatul 'Urus akan dilakukan dengan keperluan kepada perbelanjaan kewangan. Walaupun majlis kenduri ini akan mendatangkan kemeriahinan dan kegembiraan, perkara yang membimbangkan pasangan adalah bebanan tanggungan perbelanjaan yang tinggi bagi pasangan yang kurang berkemampuan. Perkara ini berlaku hanya kerana ingin mendapat kepuasan dan memenuhi adat-adat yang sukar ditinggalkan.

Permasalahan situasi semasa kini timbul apabila dilakukan majlis kenduri kendara sehingga boleh menyebabkan bebanan hutang atau perbelanjaan yang membebankan pasangan baru bernikah. Faktor kos pengurusan perbelanjaan perkahwinan menyebabkan kesukaran sesuatu urusan perkahwinan kepada golongan yang kurang berkemampuan. Amalan menyediakan wang hantaran yang tinggi nilainya menyebabkan perkara wajib selain mahar masa kini. Masyarakat melayu menganggap bahawa hantaran pernikahan lebih penting atau disamai mahar yang diwajibkan. Nilai adat wang hantaran digambarkan semakin meningkat dari masa ke semasa. Menurut

## **Hebahan Pernikahan Menerusi Media Sosial : Penelitian Mengikut 246 Hukum Syarak dan Situasi Semasa Terhadap Ekonomi**

Fatimah Daud, budaya masyarakat melayu menetapkan kadar wang hantaran tinggi telah berlarutan dari tahun 1990-an lagi, dan keadaan itu semakin membimbangkan dalam tempoh 10 tahun akan datang. (Kosmo,10 Ogos 2013) Selain itu, faktor ekonomi semasa juga menjadi alasan atau permasalahan dalam menjayakan majlis kenduri kendara apabila berlakunya kenaikan harga barang atau makanan.

Oleh yang demikian, Isu hebahan pernikahan menerusi media sosial menjadi tunjang utama permasalahan kajian, dalam memudahkan sesuatu urusan Walimatul ‘Urus pernikahan yang mengikut syariat biarlah menepati tujuan sebenar majlis kenduri tersebut. Penyampaian dan hebahan kepada masyarakat dan ahli keluarga menjadi agenda utama dalam melakukan sesuatu Walimatul ‘Urus. Permasalahan bagi golongan tidak berkemampuan untuk mengadakan Walimatul ‘Urus boleh di selesaikan dengan hanya melakukan hebahan dalam media sosial. Namun penggunaan laman media sosial bagi tujuan hebahan pernikahan perlulah selari dengan syariat Islam dan menolak perkara negatif terhadap sesuatu hebahan tersebut. Penulisan ini akan mengkaji keharusan melakukan hebahan tentang pernikahan dalam laman media sosial mestilah menepati elemen syariat pernikahan dan etika penyebaran melalui media sosial menurut Islam.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti hebahan pernikahan dalam media sosial melengkapi etika syariah dan menjadi keperluan utama masa kini dalam memudahkan sesuatu pernikahan itu dapat disebarluaskan bagi menjamin kemaslahatan serta mengelakkan kemudaratian pasangan. Penulisan ini juga berobjektifkan perbincangan berkaitan keharusan hebahan pernikahan menggunakan media sosial akan melengkapi tujuan majlis Walimatul ‘Urus tanpa membebarkan pasangan yang tidak berkemampuan dalam mengadakan majlis Walimatul ‘Urus. Selain itu penulisan ini menggambarkan situasi semasa mengikut arus zaman dalam perkahwinan menggunakan teknologi media sosial sebagai perantara sesuatu hebahan.

### **Sorotan Literatur**

Kajian berkaitan amalan dalam mengadakan majlis pernikahan banyak telah dibincangkan. Di semenanjung negara arab, sambutan majlis pernikahan lebih dikenali dengan *haflat al-zifaf*. Tahir

**247 Azhan Taqiyaddin bin Arizan, Nor Musfirah binti Mohammad, and Shahirah Nadiah binti Shaharuddin**

Muhammad Matar al-Adinat (2006) menyatakan hukum berkaitan amalan dalam mengadakan sambutan *haflat al-zifaf* dari perspektif syarak adalah sebahagian daripada amalan sambutan *haflat al-zifaf* tidak bercanggah dengan ajaran Islam dan ada juga amalan yang bercanggah dari ajaran Islam sekiranya mempunyai unsur maksiat. Beliau juga menyatakan pendapat bahawa kaum muda pada zaman sekarang perlu mempunyai persediaan lengkap dari segi kewangan bagi memenuhi keperluan majlis perkahwinan termasuk bayaran mahar, majlis pertunangan dan pelbagai unsur-unsur adat baru yang memerlukan kepada perbelanjaan kewangan yang akan ditanggung bagi menjayakan sambutan perkahwinan.

Majlis pernikahan masyarakat arab bermula dari proses pertunangan sehingga majlis perkahwinan (*haflat al-zifaf*). Isu pembaziran dalam sambutan majlis perkahwinan telah dibincangkan oleh Hanan ‘Isa Ahmad alRiba’ (2009) dengan mengemukakan Islam melarang pembaziran dalam sambutan pernikahan secara besar-besaran di hotel mewah, penyediaan kad kahwin mewah dan kos persiapan pakaian pasangan yang terlalu tinggi. Hal ini turut didorong oleh pandangan Mohamad Akram Laldin (2013) dan Surtahman Kastin Hasan (2007) yang menekankan bahawasanya perbelanjaan upacara perkahwinan secara sederhana dan bermanfaat boleh mengelakkan dari melakukan pembaziran. Bagi membendung dan memupuk sifat kesederhanaan, Basri Abd Ghani, Sayuti Abd Ghani dan Jamal Ali (2010) memberi langkah dalam mewujudkan perbelanjaan secara sederhana dengan mendidik akhlak secara Islamik, membentuk budaya kendiri dan menekankan pendidikan *infaq*. Kajian beliau menyatakan sikap sederhana dalam perbelanjaan semasa akan menghasilkan kesan positif dari aspek ekonomi termasuklah penggunaan secara sistematik dalam perbelanjaan serta meningkatkan tabungan.

Sambutan majlis perkahwinan atau kenduri yang tertumpu dalam kalangan masyarakat melayu banyak menjurus bagi memenuhi budaya dan adat tradisi. Hasil pemerhatian Fatimah Abdullah (2009) menjumpai perubahan yang berlaku dalam masyarakat melayu Muslim tidak kira moden atau lama lebih mementingkan cara sambutan majlis pernikahan yang semakin luput perpaduan kelompok, lebih bersikap individualisme dan nilai perdagangan yang mana ia juga berlaku dengan lokasi pernikahan ke luar rumah seperti hotel atau dewan serta menu hidangan majlis perkahwinan yang melampaui batas. Perbelanjaan yang diklasifikasikan dalam masyarakat melayu terbahagi

**Hebahan Pernikahan Menerusi Media Sosial : Penelitian Mengikut 248  
Hukum Syarak dan Situasi Semasa Terhadap Ekonomi**

kepada tiga elemen iaitu perbelanjaan pra perkahwinan, perbelanjaan semasa majlis perkahwinan dan perbelanjaan pasca perkahwinan. Syh Noorul Madiyah Syed Husin (2017). Oleh yang demikian, Rabiatul Adawiyah Abd Rahman (2009) telah mengkaji perubahan sosial dalam gaya jamuan makan dalam majlis kenduri perkahwinan berpunca dari faktor sosial ekonomi semasa, perubahan cara hidup, persekitaran dan perubahan budaya masyarakat. Perubahan yang berpunca dari trend sosial ekonomi dan budaya ini telah mengurangkan semangat kerjasama dan interaksi sesama masyarakat terutamanya dalam generasi muda remaja masa kini.

Perubahan trend dan sikap ingin meniru atau berlawan dalam majlis perkahwinan itu sendiri menyebabkan keperluan kewangan yang banyak perlu disediakan. Dalam menonjolkan aktiviti majlis pernikahan yang melampaui batas menyebabkan sebahagian daripada golongan muda atau pihak pengantin yang terpaksa meminjam sejumlah wang daripada pihak bank atau pihak lain bagi tujuan menyelesaikan perbelanjaan majlis perkahwinan tersebut. Isu berhutang untuk tujuan perbelanjaan bagi persiapan perkahwinan seperti yang dikemukakan Abdul Halim Abd. Kadir, Nor 'Azzah Kamri dan Baharom Kassim (2013) ini adalah satu perkara yang perlu difikirkan kerasionalannya kerana cabaran semasa dalam isu kepenggunaan melalui berhutang pada masa kini adalah satu aktiviti yang perlu dielakkan kecuali hanya dalam keadaan kesempitan serta keperluan sahaja. Majlis perkahwinan melayu tradisional yang berbeza dengan masyarakat moden hari ini dijelaskan oleh Khairuddin dan Fauzi (2016) bahawa kebanyakan majlis perkahwinan lebih mementingkan perkara yang tidak wajib dalam syarak yang mengakibatkan pembaziran dan berlebih-lebihan dalam sesuatu majlis.

Selain itu, Qurratul Aien Fatah Yassin (2011) membahasakan isu bebanan perbelanjaan perkahwinan juga sering dikaitkan dengan perkahwinan semasa lewat usia. Dalam kajian beliau mengemukakan fenomena ini berlaku melalui punca bebanan perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh kaum lelaki untuk menyediakan mas kahwin dan hantaran. Hal ini disokong oleh 'Abd al-Rabb Nawwab al Din al-Nawwab melalui kitab *Ta'akhkhur Sin al-Zawaj* menyatakan bahawa antara sebab tertinggi berlakunya trend tidak bernikah dalam kalangan pemuda hari ini adalah disebabkan kenaikan kadar mas kahwin yang mahal atau tinggi dan peningkatan bebanan perbelanjaan majlis perkahwinan. Jalal al-Sanad (2007) menemui dapatan yang agak sama

**249 Azhan Taqiyaddin bin Arizan, Nor Musfirah binti Mohammad, and Shahirah Nadiah binti Shaharuddin**

apabila kajinya menunjukkan ketinggian kadar mas kahwin merupakan antara faktor kelewatan mendirikan rumah tangga yang paling utama bagi seorang lelaki. Dalam kajian tersebut, responden lelaki sebanyak 72.73% menyatakan ketinggian kadar mas kahwin merupakan faktor berlakunya kelewatan berkahwin. Hal ini berlaku kerana Syh Noorul Madiyah Syed Husin (2014) menyatakan mahar pernikahan tidak lagi dicontohi daripada Rasulullah SAW dalam masyarakat dewasa kini yang mana Rasulullah SAW menyuruh kita mempermudahkan urusan perkahwinan tanpa melibatkan perbelanjaan yang boleh menyebabkan pembaziran.

Perbelanjaan terhadap majlis perkahwinan yang melibatkan banyak upacara adat secara mewah dalam persiapan majlis perkahwinan sudah tentu akan mendatangkan kesan negatif dalam kehidupan masyarakat. Apa yang dibelanjakan seolah-olah sambutan seperti masyarakat barat untuk memenuhi kepuasan peribadi dengan mengikut trend, tanpa menekankan nilai positif ke arah kesejahteraan di akhirat dalam konteks patuh syariat Islam. Walaupun ia merupakan perbelanjaan untuk urusan persiapan perkahwinan, namun ia sewajarnya memenuhi tujuan asas kepenggunaan dalam Islam. Menurut Anas Zarqa (1992) memaksimumkan pahala mengikut syariat memenuhi kehendak teori kepenggunaan dalam Islam. Monzer Kahf (1980) menekankan bahawa teori ekonomi Islam pula adalah maksimumkan *falah* iaitu kejayaan hidup di dunia dan akhirat. Ini menggambarkan tujuan untuk memperolehi kejayaan di akhirat melalui perbelanjaan dan kepenggunaan bukan hanya untuk mendapat kepuasan daripada barang dan perkhidmatan di dunia semata - mata. Perbelanjaan perkahwinan yang mewah akan diambil kesempatan oleh pihak - pihak tertentu untuk mengkomersialkan sambutan majlis perkahwinan.

Menurut Rinwanto dan Yudi (2020) kedudukan saksi sebagai rukun pernikahan telah di sepakati oleh fuqaha empat mazhab. Oleh itu, hebatan pernikahan melalui saksi adalah satu tuntutan dalam agama Islam. Namun, pandangan Sanders dan Richard (2020) agak berbeza menyatakan pengumuman pernikahan melalui saksi atau wali diminta untuk tidak memberitahu perihal akad pernikahan tersebut kepada masyarakat mengikut situasi dan kehendak wali atau pasangan pengantin. Oleh itu, pernikahan secara tersembunyi banyak berlaku dalam kalangan masyarakat. Hal ini juga ditegaskan oleh Mujiburrahman (2017) menyatakan sekiranya ada mudarat dari

## **Hebahan Pernikahan Menerusi Media Sosial : Penelitian Mengikut 250 Hukum Syarak dan Situasi Semasa Terhadap Ekonomi**

pernikahan yang tersembunyi maka wajib untuk dicatat sebagai langkah mengelak kerosakan masa akan datang seperti tuduhan yang dilarang dalam Islam (Aryad dan Aisyah 2019). Walaubagaimanapun nikah secara sembunyi ini hukumnya adalah sah sekiranya memenuhi rukun pernikahan, namun Agusri (2021) menegaskan pernikahan adalah ibadah yang harus diketahui atau dihebahkan kepada orang lain.

Gusmia (2017) menjelaskan penggunaan media sosial dapat memberi kepuasan kepada remaja sebagai alat berkomunikasi. Oleh yang demikian hebahan pernikahan boleh disebar melalui penggunaan media sosial seperti yang dijelaskan. Namun, pada zaman serba canggih kini, penyebaran fitnah juga mengalami proses transformasi yang dahulunya bermula dengan hanya mulut ke mulut, kini hanya melalui media sosial fitnah dan umpanan juga boleh tersebar. Oleh yang demikian Fahmi (2017) berpandangan harus digunakan secara bijak untuk menghindari hal-hal yang tidak diinginkan dan setiap individu pengguna media sosial seharusnya memiliki kesedaran peribadi, bahawa apa pun yang disampaikan ke dalam media sosial dapat mempengaruhi hubungan sosial dengan pihak lain serta tidak melanggar norma dan nilai-nilai yang berlaku dalam kehidupan sosial. Oleh itu akan terhasil kesan positif sekiranya penggunaan media sosial sebagai hebahan pernikahan seperti yang di tegaskan oleh Nur, Marjan dan Siti (2019) ianya sebagai platform penyampaian maklumat dan informasi, medium iklan dan hindari dengan mengadakan berita yang tidak benar yang akan menimbulkan persepsi negatif masyarakat.

### **Metodologi Kajian**

Pendekatan yuridis-normatif digunakan dalam kajian ini bagi melihat teori-teori dan konsep yang berhubung kait dengan penggunaan media sosial sebagai hebahan perkahwinan secara umum atau dengan alasan tidak kemampuan dari sudut kewangan. Data sekunder yang diperoleh akan dikumpulkan serta dianalisis berdasarkan hukum atau refensi dalam penelitian ini. Kajian ini adalah berbentuk deskriptif kualitatif yang mengguna pakai kaedah perpustakaan pada aspek pengumpulan data bagi tujuan mendeskripsikan secara fakta dan sistematik.

**251 Azhan Taqiyaddin bin Arizan, Nor Musfirah binti Mohammad, and Shahirah Nadiah binti Shaharuddin**

**Perbicangan  
Majlis Walimatul ‘Urus**

Kenduri kahwin atau Walimatul ‘Urus adalah suatu tuntutan dalam agama Islam. Ia adalah aktiviti jamuan yang bertujuan dalam tuntutan agama dan bukannya sekadar suatu upacara, adat atau budaya semata-mata. Menurut Jumhur mengadakan Walimatul ‘Urus hukumnya adalah sunat bukannya wajib kerana Walimatul ‘Urus pernikahan itu adalah jamuan makan dan kegembiraan serta bertujuan menyebarluaskan sesuatu berkaitan pernikahan. Hasil kajian Syh Noorul Madiyah Syed Husin (2017) mendapati bahawa elemen yang paling perlu diutamakan ialah mahar pernikahan, diikuti dengan jamuan seterusnya perbelanjaan kad kahwin, kelengkapan serta lokasi jamuan. Mas kahwin (mahar) adalah dalam kategori *dharuriyyat* kerana tujuannya adalah untuk menyelesaikan perkara wajib sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

*dan berikanlah kepada perempuan-perempuan itu mas kahwin-mas kahwin mereka sebagai pemberian Yang wajib. kemudian jika mereka Dengan suka hatinya memberikan kepada kamu sebahagian dari mas kahwinnya maka makanlah (gunakanlah) pemberian (yang halal) itu sebagai nikmat Yang lazat, lagi baik kesudahannya.*

(al-Nisa: 4)

Manakala perkara dalam kategori *hajiyat* adalah perbelanjaan untuk jamuan bertujuan untuk memenuhi tuntutan sunat Walimatul ‘Urus, manakala perbelanjaan untuk kad kahwin, kelengkapan serta lokasi jamuan pula bertujuan untuk memenuhi perkara harus dalam *tahsiniiyyat* (Syh Noorul Madiyah Syed Husin 2017). Realiti sebenar zaman Rasulullah SAW telah terlibat secara langsung dalam aktiviti pengurusan perbelanjaan perkahwinan termasuk pembayaran mahar dan penganjuran Walimatul ‘Urus. Apa yang pernah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW dalam menguruskan perbelanjaan majlis perkahwinan perlu dijadikan panduan kepada golongan yang akan mendirikan rumah tangga. Tanpa panduan dan tegahan boleh menyebabkan masyarakat akan terikut-ikut dengan trend semasa dan berbangga dengan perbelanjaan perkahwinan yang tinggi. Justeru, artikel ini

**Hebahan Pernikahan Menerusi Media Sosial : Penelitian Mengikut 252  
Hukum Syarak dan Situasi Semasa Terhadap Ekonomi**

membincangkan pendekatan hebahan perkahwinan melalui media sosial juga menuntut kepada tujuan Walimatul ‘Urus yang menepati syariat Islam dan situasi semasa golongan tidak berkemampuan dari sudut kewangan.

**Pendapat Fuqaha Berkaitan Walimatul ‘Urus**

Kepelbagai pandangan Ulama berkaitan Walimatul ‘Urus. Ada pendapat yang mewajibkan dan pendapat lainnya adalah sunat *muakkad*. Adapun yang mewajibkan Walimatul ‘Urus berikut perintah Rasulullah SAW karena Walimatul ‘Urus yang dilaksanakannya ketika menikahi isteri-isterinya seperti mana dalam hadis dari Anas bin Malik R.A. ia berkata:

*“Nabi SAW, menikahi Shafiyah dan kemerdekaannya sebagai mas kahwinnya, kemudian beliau menyelenggarakan Walimatul ‘Urus selama tiga hari”*

(HR. al- Bukhari dan Muslim)

Pendapat Syaikh Abdul Azhim bin Badawi al-Khalafi menyatakan wajib bagi orang yang menikah untuk mengadakan Walimatul ‘Urus setelah menggauli isteri, sebagaimana perintah Nabi SAW. Kepada ‘Abdurrahman bin ‘Auf dalam hadis diriwayatkan oleh Buraidah bin al-Hashib, ia berkata, “*Tatkala ‘Ali meminang Fatimah, ia berkata, ‘Rasulullah SAW bersabda, Sesungguhnya merupakan keharusan bagi pengantin untuk menyelenggarakan Walimatul ‘Urus.*

Sebahagian ahli ilmu berpendapat wajibnya mengadakan Walimatul ‘Urus dengan mengambil kira dalil dari hadis Buraidah bin Hushaib ra, bahawa Rasulullah SAW, bersabda “Tiap – tiap perkahwinan harus diadakan Walimatul ‘Urus. Jika ditelusuri Hadis yang diriwayatkan Ibnu ‘Asakir ianya tidak dapat dijadikan hujah karena status sanadnya *dha’if* atau lemah dan tidak kuat. Pandangan yang menyatakan sunnah muakkadah menjelaskan untuk mengadakan Walimatul ‘Urus haruslah menurut kemampuan masing – masing. Dalam hal ini Rasulullah SAW, berkata kepada Abdurrahman bin Auf ketika ia menikah:

*“Semoga Allah memberkahimu. Adakanlah Walimatul ‘Urus walau hanya dengan menyembelih seekor kambing”*

(HR. al-Bukhari dan Muslim).

**253 Azhan Taqiyaddin bin Arizan, Nor Musfirah binti Mohammad, and Shahirah Nadiah binti Shaharuddin**

Hadis tersebut menegaskan bahawa perlaksanaan kenduri kendara pernikahan sangat dianjurkan, bahkan disebutkan berwalimahlah sekalipun hanya dengan jamuan berdasarkan seekor kambing. Konsep mengikut kemampuan serta tidak membebankan dalam majlis pernikahan, Maka anjuran untuk mengadakan Walimatul ‘Urus dari hadis tersebut adalah sangat digalakkan dalam konteks mengikut kondisi pasangan terhadap kemampuan walaupun dengan jamuan yang sangat ringan atau sederhana. Bahkan dikatakan bahawa Rasulullah SAW, mengadakan Walimatul ‘Urus semasa beliau menikahi Shafiyah jamuannya hanya dengan *al-syai’ir* iaitu makanan yang bahan asalnya dari kurma yang dicampur dengan tepung atau susu. Oleh yang demikian, jumhur ulama berpendapat hukumnya adalah sunnah dan tidak wajib.

Hal yang sama ditegaskan juga dalam mazhab Syafi’i sebagaimana disebutkan oleh Al-Ghazali (450-505 H) adalah hukum Walimatul ‘Urus itu sunnah mu’akkad. Sunnah mu’akkad ini mempunyai Dalil-dalil yang sangat dominan bagi pelaksanaan Walimatul ‘Urus, sebagaimana yang diutarakan oleh Al-Syarbaini mengatakan secara terperinci Walimatul ‘Urus Hukumnya Sunnah Mu’akkad berdasarkan adanya ketetapan dalil dari Rasulullah SAW tentang Walimatul ‘Urus tersebut baik secara *qauli* maupun *fi’li* dalam *Mughni Al-Muhtaj*, yang merupakan ulama Syafi’iyyah (w. 977 H) ia. Dalam Riwayat Imam Bukhari bahawa Rasulullah SAW pernah mengadakan walimah ketika perkahwinannya dengan sebahagian isterinya dengan dua *mud* gandum.

**Konsep Perbelanjaan Dalam Aktiviti Pernikahan Mengikut Sunnah Rasulullah SAW**

Hasil daripada contoh penelitian yang telah dilalui oleh Rasulullah SAW dalam urusan pemberian mas kahwin dan penganjuran Walimatul ‘Urus baginda, didapati terdapat beberapa konsep berbelanja dalam hal berkaitan persediaan perkahwinan telah diketengahkan oleh baginda. Dalam menguruskan hal perkahwinan, Rasulullah SAW telah gambarkan amalan mahar yang diberikan kepada isteri-isteri baginda tidak kurang dari 500 dirham sebagaimana yang diriwayatkan Abu Salamah bin ‘Abd al-Rahman. Selain itu, pemberian perkakas rumah yang bernilai 500 dirham juga boleh dijadikan mahar kepada Saidatina ‘Aishah r.a. Oleh yang demikian pemberian mahar tidak hanya tertumpu kepada wang sahaja.

**Hebahan Pernikahan Menerusi Media Sosial : Penelitian Mengikut 254  
Hukum Syarak dan Situasi Semasa Terhadap Ekonomi**

Hal ini menunjukkan ketika Walimatul 'Urus hanya berdasarkan seekor kambing sempena perkahwinan baginda dengan Saidatina Zaynab binti Jahsh r.a yang Rasulullah SAW mementingkan unsur kemampuan dalam menyediakan hidangan untuk Walimatul 'Urus. Ibn Hajar membincangkan konsep kemampuan berbelanja dengan memperincikan perlunya mengikut tahap kemampuan penyediaan hidangan untuk Walimatul 'Urus adalah satu perkara yang disunatkan. Hal ini disokong dengan peristiwa baginda Rasulullah SAW pernah menegur seorang sahabat yang membayar mahar pernikahan kepada isterinya dengan satu kadar yang melebihi dengan tahap kemampuan beliau. Al-Nawawi pula menyatakan kesukaran pihak suami membayar mahar yang melebihi tahap kemampuan dirinya sendiri seperti yang diminta oleh pihak bakal isteri adalah hukumnya makruh. Ini kerana ia akan menyukarkan pihak suami untuk memenuhi bayaran tersebut. Perbelanjaan perkahwinan secara keseluruhannya akan lebih terkawal dan dapat mengelakkan daripada berlakunya perbelanjaan di luar batas kemampuan.

**Faktor Kewangan**

Faktor kewangan menjadi perkara yang dibelenggu golongan kurang berkemampuan. Antara sebab utama yang di ketengahkan Berita Harian Rabu, 25 Julai 2018 kaum lelaki atau perempuan belum berkahwin adalah perbelanjaan yang tinggi akan memberi kesan dalam perangan berkeluarga selepas bernikah. Sidang Dewan Negara pada tahun lalu tahun 2017, kajian yang telah dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, keluarga dan masyarakat pada 2010 mendapati faktor utama ramai lelaki tidak berkahwin ialah kerana masalah kewangan sebanyak 44.7 peratus (Kosmo, 2013). Kewujudan kepelbagaiadat resam perkahwinan masyarakat melayu yang sukar ditinggalkan telah menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan perkahwinan. Syh Noorul Madiyah Binti Syed Husin et.al (2017) menyatakan elemen perbelanjaan perkahwinan yang ada pada masa kini adalah mas kahwin, Walimatul 'Urus, dan juga elemen sampingan seperti pemberian hadiah sesama pasangan, penyediaan persiapan majlis perkahwinan dan pemberian hadiah kepada tetamu sehingga boleh menyebabkan bebanan hutang.

**255 Azhan Taqiyaddin bin Arizan, Nor Musfirah binti Mohammad, and Shahirah Nadiah binti Shaharuddin**

**Hakikat Semasa Golongan Tidak Berkemampuan (Miskin)**

Menurut data yang dikeluarkan oleh unit statistik sosial ekonomi menerusi statistik kemiskinan mengikut jenis miskin tegar di Malaysia menunjukkan trend yang mendatar dari tahun 2009 hingga 2019 seperti yang dipaparkan jadual di bawah:

Negeri	2009	2012	2014	2016	2019
Johor	17.2	16.1	10.2	13.5	15.5
Kedah	16.0	16.5	12.1	15.9	10.9
Kelantan	11.4	14.3	12.4	12.1	9.9
Melaka	14.8	15.4	8.8	10.7	17.0
Negeri Sembilan	12.7	15.5	13.0	15.5	11.6
Pahang	12.0	12.7	12.1	8.2	6.0
Pulau Pinang	15.4	16.5	12.4	6.6	13.2
Perak	13.3	18.6	16.0	14.1	11.3
Perlis	17.0	19.2	10.1	12.0	12.0
Selangor	16.2	15.6	11.1	10.7	15.3
Terengganu	12.1	20.5	13.7	10.2	8.2
Sabah	19.5	18.6	16.3	17.6	14.7
Sarawak	16.4	19.6	17.1	16.8	15.2
W.P Kuala Lumpur	16.8	12.3	13.3	13.8	10.6
W.P Labuan	17.9	17.6	14.1	11.6	12.9
W.P Putrajaya	11.1	4.9	7.9	6.8	12.1

Jadual Insiden kemiskinan relatif mengikut kumpulan etnik, strata dan negeri, Malaysia, 2009 - 2019

**Kemiskinan**


Konsep kemiskinan mengambil kira PGK makanan dan PGK bukan makanan bagi setiap isi rumah. Sesebuah keluarga dianggap miskin jika pendapatan mereka kurang daripada nilai PGK yang sepatutnya. Ini bermaksud isi rumah tersebut kekurangan sumber pendapatan untuk memenuhi keperluan asas makanan dan bukan makanan bagi setiap ahlinya dan dianggap miskin tegar.

## **Hebahan Pernikahan Menerusi Media Sosial : Penelitian Mengikut 256 Hukum Syarak dan Situasi Semasa Terhadap Ekonomi**

### **Kemiskinan Mutlak**

Kemiskinan mutlak adalah pendapatan isi rumah tidak mencukupi untuk menampung keperluan hidup asas iaitu makanan, perlindungan dan pakaian. Kemiskinan mutlak diukur dengan mendefinisikan garis kemiskinan.

Di Malaysia, kaedah pengukuran kemiskinan mutlak dilaksanakan sejak tahun 1977 dengan menggunakan pendekatan kos keperluan asas. Melalui kaedah ini satu paras keperluan minimum yang dikenali sebagai Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) telah ditetapkan. Jumlah PGK adalah hasil tambah PGK makanan dan bukan makanan. Nilai PGK makanan diperoleh melalui penetapan keperluan bagi sesebuah isi rumah. Nilai PGK bukan makanan pula ditentukan berdasarkan kepada corak perbelanjaan serta keperluan asas isi rumah berpendapatan rendah yang diperoleh melalui *survei Perbelanjaan Isi Rumah* (HES). Oleh itu, sesebuah keluarga dikategorikan sebagai miskin mutlak jika pendapatan keseluruhan isi rumahnya berada di bawah paras nilai PGK, manakala isi rumah dikategorikan sebagai miskin tegar jika pendapatan keseluruhan isi rumahnya berada di bawah paras nilai PGK makanan.



Nota: Data bagi tahun 2016 disemak semula berdasarkan Metodologi 2019

Carta di atas adalah nilai PGK pada tahun 2019 menunjukkan Malaysia telah disemak semula dan mendapat nilai purata PGK di

**257 Azhan Taqiyaddin bin Arizan, Nor Musfirah binti Mohammad, and Shahirah Nadiah binti Shaharuddin**

peringkat nasional ialah RM2,208 sebulan manakala purata nilai PGK makanan adalah RM1,038 sebulan dengan purata saiz isi rumah seramai 3.9 orang. Kemiskinan mutlak keseluruhan bertambah baik daripada 7.611 peratus pada 2016 kepada 5.6 peratus. Dalam tempoh yang sama, insiden kemiskinan mutlak di bandar dan luar bandar turut mencatatkan penurunan kepada 3.8 peratus dan 12.4 peratus.

Selain itu, kemiskinan tegar direkodkan sebanyak 0.4 peratus pada tahun 2019 berbanding 0.612 peratus pada tahun 2016. Bumiputra mencatatkan penurunan insiden kemiskinan mutlak kepada 7.2 peratus berbanding 9.713 peratus (2016). Kemiskinan mengikut negeri menunjukkan Sabah mencatatkan kemiskinan tertinggi iaitu 19.5 peratus dan diikuti oleh Kelantan 12.4 peratus. Kedah mencatatkan pengurangan kemiskinan yang ketara iaitu daripada 14.314 peratus kepada 8.8 peratus, diikuti Pahang daripada 9.215 peratus kepada 4.3 peratus. Walaupun mencatatkan insiden kemiskinan tertinggi, Sabah turut merekodkan penurunan kemiskinan yang ketara sebanyak 4.4 mata peratus berbanding tahun 2016.

**Media Sosial Dan Teknologi**

Perubahan zaman dari media cetak yang menggunakan objek fizikal seperti akhbar, buku, majalah, risalah, atau komik untuk menyebarkan sesuatu maklumat. Zaman arus kemodenan hari ini menggunakan media sosial sebagai satu saluran yang digunakan untuk menyebarkan berita atau makluman dengan tujuan untuk menarik perhatian penonton yang ramai dengan lebih cekap dan cepat. (Mohamad Hafifi, Nurzali, Jamilah & Darshan, 2017). Fungsi media sosial masa kini merupakan jaringan sosial di mana setiap orang boleh membina laman web secara peribadi, berkomunikasi dengan rakan-rakan untuk berkongsi maklumat. Antara contoh jaringan media sosial yang terkenal pada masa kini seperti *Facebook, Youtube, Twitter, Blog, WhatsApp, Telegram, WhatsApp, Instagram* dan banyak lagi.

Teknologi pula berasal daripada gabungan dua perkataan, iaitu *techne* dan *logos*. *Techne* dalam bahasa Yunani bermakna seni atau kerja tangan dan *logos* bererti wacana atau kajian sistematis. Mesther (1970) telah mendefinisikan teknologi sebagai 'satu himpunan ilmu yang tersusun dan berkaitan serta berperanan untuk mencapai matlamat yang bersifat praktikal. Perkembangan teknologi berlaku dengan pesat membolehkan perhubungan dan interaksi antara sesama manusia lebih pantas dan berkesan. Hal ini menyebabkan golongan

## **Hebahan Pernikahan Menerusi Media Sosial : Penelitian Mengikut 258 Hukum Syarak dan Situasi Semasa Terhadap Ekonomi**

muda atau tuan pada hari ini lebih banyak menggunakan teknologi untuk memudahkan komunikasi sehari-hari serta menjadi keperluan bagi menyebarkan sesuatu maklumat.

### **Dapatan Kajian**

#### **Hukum Hebahan Pernikahan**

Hebahan dalam Pernikahan di manifestasikan dalam bentuk majlis Walimatul 'Urus . Dengan adanya majlis ini, berita berkaitan pernikahan akan tersebar, bukan dengan hanya saksi yang hadir majlis akad pernikahan sahaja. Pada awal era Islam hebahan pernikahan adalah satu hal yang disunatkan namun saksi dalam pernikahan adalah rukun nikah. Hal ini dianjurkan oleh Rasulullah SAW Islam adanya pengumuman pernikahan tersebut berdasarkan hadis yang diceritakan oleh 'Amir bin Abdullah bin Zubair.

أَخْبَرَنَا أَلْسُنُ بْنُ سَفِيَّانَ التَّشْيَابِيِّ قَالَ : حَدَثَنَا حَرْمَلَةُ بْنُ يَحْيَى قَالَ : حَدَثَنَا ابْنُ وَهْبٍ قَالَ : حَدَثَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ الْأَسْوَدَ عَنْ عَامِرٍ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ الرَّبِيعِ عَنْ أَبِيهِ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : ( أَعْلَنُوا النِّكَاحَ ) قَالَ الشَّيْخُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ : مَعْنَاهُ : أَعْلَنُوا بِشَاهِدِينَ عَدِيلِي

*Telah mengabarkan kepada kami al-Hasan bin Sufyan al-Syaibaniy, ia berkata: telah menceritakan kepada kami Harmalah bin Yahya, ia berkata: telah menceritakan kepada kami Ibnu Wahb, ia berkata: telah menceritakan kepadaku Abdullah bin al-Aswad dari Amir Ibnu Abdullah Ibnu al-Zubair, dari ayahnya Radliyallaahu 'anhu bahwa Rasulullah Shallallaahu 'alaihi wa Sallam bersabda: "Sebarkanlah berita pernikahan."*

(Hadis riwayat imam Ahmad /ṣahih oleh Al - Hâkim dan hassan oleh al-Arnauth)

حَدَثَنَا عَبْدُ اللَّهِ حَدَثَنِي أَبُو ثَنَاءَ هَارُونَ بْنَ مَعْرُوفٍ قَالَ عَبْدُ اللَّهِ وَسَعَنَتْهُ أَنَا مِنْ هَارُونَ قَالَ حَدَثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ الْأَسْوَدَ الْقَرْشِيُّ عَنْ عَامِرٍ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ الرَّبِيعِ عَنْ أَبِيهِ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أَعْلَنُوا النِّكَاحَ

*Telah menceritakan kepada kami Abdullah Telah berkata kepadaku Ayahku Telah berkata kepada kami Harun bin Ma'ruf, Abdullah telah berkata aku telah mendengarnya dari Harun , ia berkata telah*

**259 Azhan Taqiyaddin bin Arizan, Nor Musfirah binti Mohammad, and Shahirah Nadiah binti Shaharuddin**

*menceritakan kepada kami Abdullah bin Wahb, ia berkata telah menceritakan kepadaku Abdullah bin al-Aswad al-Qursiy, dari Amir Ibnu Abdullah Ibnu al-Zubair, dari ayahnya Radliyallaahu 'anhу bahwa Rasulullah Shallallaahu 'alaihi wa Sallam bersabda: "Sebarkanlah berita pernikahan."*

Syu'aib al-Arnauth memberikan penilaian bahawa *sanad* hadis ini *hasan*. Hadis yang berstatus *hasan* juga dapat diamalkan dan dapat dijadikan hujah. Hadis ini memberi maksud bahawa Nabi Muhammad memerintahkan umatnya untuk mengumumkan pernikahan. Hebahan pernikahan adalah bertujuan pasangan bebas dari tuduhan zina atau fitnah yang keji serta keberkatan dari Allah.

Oleh itu, terbina pandangan fuqaha berdasarkan hadis di atas berkaitan pengumuman pernikahan. Imam Syafi'i dan Abu Hanifah menyatakan jika ada dua (2) orang laki-laki yang '*adil* sebagai saksi (Abu Hanifah menambahkan boleh jika hanya satu orang laki-laki dan dua orang perempuan) maka pernikahan tersebut tidak lagi dikategorikan sebagai pernikahan tersembunyi. Saksi yang dimaksudkan itu adalah sebagai bentuk pengumuman pernikahan. Pandangan Ini di sokong oleh Ibnu Hibban yang menyatakan pengumuman pernikahan sudah cukup disaksikan oleh dua orang saksi.

Sebaliknya fuqaha dari mazhab Malikiyah berpendapat bahawa nikah tersembunyi itu adalah wujudnya pesanan kepada para saksi yang hadir dalam majlis akad untuk menyembunyikan pernikahan, oleh sebab itu menurut pandangan mazhab Malikiyyah pengumuman tersebut adalah wajib hukumnya, dan tidak cukup dengan hanya kewujudan saksi. Malah ulama Malikiyah menyatakan pernikahan yang disembunyikan adalah batil (tidak sah). Pendapat Imam Malik sendiri dalam hal ini ditegaskan dalam *al-Muwatta'* bahwasanya nikah sembunyi merupakan perkahwinan yang dilarang. Dengan kata lain pendapat ulama Malikiyah ini menentang pendapat Syafi'i dan Abu Hanifah yang menganggap bahawa keberadaan saksi merupakan pengumuman pernikahan. Oleh yang demikian sudah tentu fuqaha Malikiyah mewajibkan mengumumkan pernikahan kepada masyarakat umum.

Selain itu, menurut Imam Al-Zuhri yang menyokong pendapat Malikiyah bahwasanya pengumuman pernikahan hukumnya adalah fardu. Ia juga salah satu pendapat yang kuat dengan meletakkan salah satu syarat sah akad nikah adalah mengiklankan pernikahan. Apabila

## **Hebahan Pernikahan Menerusi Media Sosial : Penelitian Mengikut 260 Hukum Syarak dan Situasi Semasa Terhadap Ekonomi**

tidak membuat hebahan menyebabkan pernikahan tersebut tidak sah. Namun dalam Wizarah al-Auqâf wa al-Shu'ûn al-Islamiyah, *al-Mausu'ah al-Fiqhiyah* Kuwait, ulama fiqh umumnya berpendapat bahwa hukum mengumumkan perkahwinan bukanlah merupakan syarat, rukun, ataupun kewajipan dalam sebuah akad perkahwinan. Oleh itu, hukum mengumumkan perkahwinan adalah *yundhabu* (disunnahkan).

### **Penggunaan Media Sosial Dalam Hebahan Perkahwinan**

Penulis lebih cenderung kepada pendapat yang menyatakan Walimatul 'Urus itu sunnah mu'akkad seperti mana dalam bahagian perbincangan di atas bagi golongan tidak berkemampuan mengadakan majlis kenduri. Syaikhul Islam Ibnu Taimiyah Rahimahullah menyatakan, "Adapun Walimatul 'Urus maka hukumnya adalah sunnah." Berkatanya lagi, "Dianjurkan untuk mengadakan Walimatul 'Urus berdasarkan kesepakatan ulama, bahkan di antara mereka ada pula yang mewajibkannya." Pendapat ulama terkait *Walimatul 'Urus* sunnah mu'akkad ini karena perintah tersebut tidak begitu kuat jika dilihat dari penggunaan kata (lau), hal ini menunjukkan berlaku toleransi dan keringanan bagi yang tidak melaksanakannya di samping hukum wajibnya menghadiri Walimatul 'Urus karena dalilnya lebih kuat dan sangat tegas. Selain itu, penulis lebih menekankan hikmah dalam mengadakan Walimatul 'Urus adalah bertujuan menyebarkan berkaitan pernikahan sesebuah pasangan supaya dapat mengelak perkara negatif seperti tuduhan zina.

Penulis juga sepandapat dengan pandangan Imam Malik yang menyatakan tidak boleh pernikahan berlaku secara tersembunyi pada masa kini, kerana penggunaan media sosial hari ini sangat mudah untuk sebarkan perkara negatif seperti fitnah dan tuduhan yang dilarang dalam Islam. Hebahan pernikahan dapat dicapai melalui penyaksian oleh dua orang saksi seperti mana tuntutan rukun nikah, namun hebahan tersebut masih tersebut masih terbatas kepada mereka yang hadir ketika majlis akad nikah sahaja. Pendapat imam malik dalam mewajibkan pengumuman pernikahan dapat membela hak asasi pasangan tersebut. Namun dalam dunia teknologi pada hari ni media sosial sering digunakan sebagai alat hebahan sesuatu berita. Oleh itu, kajian ini menekan bahawasanya diharuskan penggunaan media sosial sebagai perantara bagi hebahan pernikahan kepada golongan tidak berkemampuan untuk mengadakan Walimatul 'Urus kerana media sosial kini merupakan sesuatu yang tidak dapat dipisahkan dalam

**261 Azhan Taqiyaddin bin Arizan, Nor Musfirah binti Mohammad, and Shahirah Nadiah binti Shaharuddin**

kehidupan seharian masyarakat. Hal ini demikian kerana pada masa kini, hampir semua orang mempunyai akaun media sosial tidak kira golongan dan peringkat umur. Hal seperti demikian akan memudahkan hebatan pernikahan itu dapat diketahui dengan pantas. Walaubagaimanapun, dalam kepentasan mengakses media sosial, pengguna hendaklah sedar dan patuh etika penggunaan media sosial menurut syariat Islam.

Media sosial diwujudkan bagi menghebahkan kepada masyarakat berkenaan berlakunya ijab dan qabul yang sah. Tujuannya adalah sangat baik namun senario pada hari ini menyaksikan kepelbagaiantrend baru dalam tatacara hebatan pernikahan iaitu dengan memuatkan gambar pengantin pada media sosial. Secara dasarnya, hukumnya adalah harus dengan tujuan supaya dapat mengenali pasangan pengantin. Hebatan ini menjadi harus kerana menurut Shaikh Mohd Saifuddeen (2018), rata-rata generasi hari ini ialah generasi celik teknologi. Bagi melakukan hebatan pernikahan, pendekatan terkini berdasarkan teknologi perlu digunakan. Atas sebab ini, perlu ada kefahaman dan etika Islam dalam penggunaan media sosial supaya tujuan hebatan pernikahan itu tidak akan menghadirkan unsur negatif dari pelbagai pihak. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang seharusnya pihak yang akan menyebarkan makluman perlu dipatuhi :

- i. Gambar perlulah dalam keadaan sopan atau menutup aurat sebagaimana perintah syariat Islam.
- ii. Pasangan pengantin tidak meletakkan gambar yang mempunyai aksi keterlaluan sehingga boleh menimbulkan fitnah.
- iii. Penulisan keterangan dan gaya bahasa hebatan tidak berunsur menyakiti mana – mana pihak.
- iv. Hebatan tidak ada unsur penipuan dan mestilah pernikahan yang benar (*Al-Siddiq*) menurut syarak sahaja boleh dihebahkan.

Shuhari & Hamat (2015) mendefinisikan *Al-Siddiq* merujuk kepada kekuatan mengenai sesuatu perkara seperti kebenaran ke atas sesuatu perkara. Dalam konteks ini, kebenaran dalam menyampaikan maklumat dalam media sosial dengan sesuatu maklumat dalam masyarakat muslim amat penting bukan sahaja maklumat berbentuk keagamaan namun kesahihannya juga amat penting. Penggunaan media sosial yang mudah diakses oleh semua lapisan masyarakat

## **Hebahan Pernikahan Menerusi Media Sosial : Penelitian Mengikut 262 Hukum Syarak dan Situasi Semasa Terhadap Ekonomi**

memudahkan penyampaian dan pencarian sesuatu maklumat sama ada maklumat fakta mahupun palsu. Sifat Al-Siddiq dalam menyampaikan maklumat yang benar dan tidak menokok tambah sesuatu maklumat adalah tuntutan yang diwajibkan dalam agama Islam. hal ini ditegaskan berdasarkan perilaku Abdullah ibn 'Umar menyuruh dua orang sahabatnya memberi perhatian kepada ungkapan yang membicarakan tentang sifat Al-Siddiq ini. Satu athar daripada Ibn 'Umar ada menjelaskan (Al-Bayhaqi, 2003: 4515):

*Abdullah ibn Umar berkata, "Ketahuilah bahawa antara tanda-tanda keimanan  
ialah kamu mengutamakan sifat benar yang memberi mudarat  
kepadamu berbanding  
dengan sifat dusta yang boleh memberi manfaat kepadamu*

(Al-Baihaqi)

Jelas ungkapan di atas menyarankan bahawa bersifat benar sebagai tanda keimanan seseorang. Oleh yang demikian, dalam menyampaikan maklumat atau hebahan pernikahan kepada orang ramai perlu diterapkan sifat Al-Siddiq iaitu sifat yang berkait rapat dengan keikhlasan agar maklumat yang disampaikan dapat menghasilkan tujuan yang sama seperti kehendak mengadakan Walimatul 'Urus.

### **Situasi Semasa Mengenai Hebahan Pernikahan**

Hakikat kehidupan hari ini ialah manusia telah bergantung dengan penggunaan teknologi. Perkembangan komunikasi di era moden kini melihat manusia dapat berhubung bukan sahaja secara langsung, tetapi menggunakan aplikasi media sosial" (Al-Basri, 2011; Jasmi, Kamarul Azmi & Mohd Rashid, 2008; Mohd Rashid & Jasmi, 2006; Nurrizka, 2016). Oleh itu berlakunya seperti hebahan pernikahan boleh dimuat naik dan dikongsikan menerusi media sosial. Sedangkan, tidak dijemput Walimatul 'Urus namun kita telah mengetahui berita tentang sesuatu pernikahan yang sah. Media sosial menjadi satu wadah yang bertujuan menyampaikan berita tentang pernikahan sesebuah pasangan yang baru. Ledakan teknologi komunikasi pada masa kini membawa fenomena baru dalam bentuk komunikasi manusia apabila fokus kini tertumpu kepada penggunaan media sosial dalam pelbagai aspek kehidupan. Malah, penggunaan media sosial menjadi aktiviti yang popular di laman sosial (Socialnomics.net, 2012). Justeru,

**263 Azhan Taqiyaddin bin Arizan, Nor Musfirah binti Mohammad, and Shahirah Nadiah binti Shaharuddin**

penggunaan media sosial ini meliputi tuntutan pelaksanaan yang harus digunakan dalam pelbagai metode mengikut kesesuaian zaman (Faradillah, 2014). Kewujudan laman sesawang rangkaian sosial seperti *facebook*, *Twiter*, *Instagram* dan lain-lain digunakan oleh semua peringkat lapisan masyarakat dalam hebahan sesuatu maklumat pernikahan.

**Hukum Kemaslahatan Golongan Miskin Bagi Mengadakan Walimatul ‘Urus**

Hukum Islam memiliki tujuan sesuai fitrah manusia serta sebagai alasan bagi golongan miskin atau tidak berkemampuan mengambil maslahah dan mencegah kemudaratian. Muhammad Abu Zahrah menyatakan peraturan dalam Syariah di dalamnya terdapat kemaslahatan. Syariat Islam adalah untuk membawa manusia dalam kondisi yang baik serta menghindarkannya dari segala hal yang buruk. Kefahaman maslahah yang pertama adalah bersifat mutlak, mengandungi pengertian bukan relatif atau subjektif yang akan tunduk pada hawa nafsu. Kemudian yang kedua; maslahah itu bersifat menyeluruh (*kulliyah*) serta tidak bertentangan dengan sebahagian (*juz' iyyat*)-nya. Pandangan Asy-Syatibi menyatakan bahawa manusia akan memperoleh kemaslahatan dan mencegah kemudaratian apabila seseorang Insan sudah melaksanakan syariah, maka akan terbebas dari nafsu dan menjadi hamba.

Hakikat maslahah dikategorikan kepada tiga bahagian yaitu *daruriyyat* (*necessities*), *hajjiyyat* (*requirements*) dan *tahsiniyyat* (*beautification*). *Daruriyyat* adalah sesuatu yang menjadi keperluan dilaksanakan untuk mewujudkan kemaslahatan berkaitan dengan dimensi duniai dan akhirat. Sekiranya hal ini tidak ada, maka akan menimbulkan kerosakan bahkan memberi kesan dalam kehidupan sebagai seorang Muslim seperti makan, minum, solat, puasa, dan ibadah-ibadah lainnya. *Hajjiyyat* pula merupakan sesuatu pelengkap yang sebaiknya ada sehingga dalam melaksanakannya serta terhindar dari kesulitan. jika sesuatu ini tidak ada, maka tidak akan menimbulkan kerosakan atau mudarat yang besar, akan tetapi berimplikasi adanya kesempitan dan *masyaqqah*. Kategori *tahsiniyyat* sebagai pelengkap akan mendatangkan kesempurnaan dalam suatu aktiviti yang dilakukan, dan jika ditinggalkan maka tidak akan menimbulkan kesulitan. *Tahsiniyyat* adalah pelengkap bagi *hajjiyyat* sahaja, sekiranya dipenuhi akan

menjadikan sesuatu itu lengkap sebagai nilai tambahan sahaja. Syh Noorul Madihah Syed Husin (2017) menerangkan sekiranya jika tidak melakukan perkara *tahsiniyyat* juga tidak akan menimbulkan kesan yang boleh menyebabkan darurat. Seterusnya diikuti dengan keperluan *tahsiniyyat* yang bertujuan untuk melakukan perkara harus seperti persiapan diri pasangan, hiburan, fotografi, pelamin dan berbulan madu.

### **Kesimpulan**

Berdasarkan perbincangan dan dapatan kajian menunjukkan kajian ini sangat menyarankan penggunaan media sosial seiring dengan situasi semasa peredaran arus zaman berteknologi untuk hebahan pernikahan telah melengkapi syariat Islam. Namun dalam perlaksanaan Walimatul 'Urus kalangan masyarakat mengikut situasi semasa tahap kemampuan individu dan masyarakat umum. Ianya mungkin hanya akan memenuhi tuntutan *dharuriyyat* iaitu mahar dan akad pernikahan sahaja serta diharuskan melakukan hebahan pernikahan dalam media sosial sahaja bagi golongan yang tidak berkemampuan. Namun demikian, saranan penulis juga dalam kajian ini mendapati bahawa Islam tidak melarang untuk menganjurkan majlis perkahwinan dan ia perlulah mengikut kadar kemampuan dan tidak membebankan kepada pasangan tersebut. Sekiranya hal tersebut berlaku ianya akan menepati sunnah Rasulullah SAW. Bagi golongan yang berkemampuan untuk mengadakan Walimatul 'Urus pula sudah tentu boleh juga menggunakan media sosial sebagai hebahan pernikahan serta mendapat pahala mengikut Sunnah Rasulullah SAW berikutan jamuan makan yang disediakan dalam majlis Walimatul 'Urus. Walimatul 'Urus sebaiknya dilakukan dengan niat ikhlas semata-mata karena Allah dan mengikuti sunnah Rasulullah SAW. Hindari sifat ingin mendakan Walimatul 'Urus dengan niat memamerkan harta yang dimiliki, atau saling bersaing dengan orang lain. Tujuan Walimatul 'Urus itu sendiri adalah tidak dengan niat mencari sensasi, mencari populariti. Selain itu, jangan berniat untuk menyakiti hati orang lain dengan cara mengadakan Walimatul 'Urus besar-besaran. Bahkan ianya tujuan utama mengadakan Walimatul 'Urus dengan mengharapkan sumbangan yang lebih banyak. Perbahasan ini juga, menunjukkan adanya hebahan pernikahan mengikut anjuran Nabi dalam beberapa hadis atas dan anjuran dalam mengadakan majlis kenduri perkahwinan walaupun dalam bentuk sederhana. Namun, dalam situasi semasa

**265 Azhan Taqiyaddin bin Arizan, Nor Musfirah binti Mohammad, and Shahirah Nadiah binti Shaharuddin**

terhadap kemampuan perbelanjaan dari sudut kewangan menunjukkan spirit dan substantif yang ingin dicapai dalam kekangan mengadakan Walimatul 'Urus , oleh itu dengan hanya menerusi hebahan pernikahan sahaja menjadi pilihan, meskipun dalam bentuk berbeza namun ia mencapai matlamat hebahan pernikahan dengan dimensi pencapaian yang sama. Hal ini menunjukkan adanya iklan atau pengumuman pernikahan kepada khalayak ramai, dengan bertujuan memberi tahu sesuatu ikatan pernikahan yang sah di sisi syarak serta tidak menjadi rahsia atau bagi mengelak tuduhan yang dilarang dalam Islam. Dengan adanya saranan hebahan pernikahan ini matlamat syariat Islam akan terjaga dari segala aspek sosial.

**BIBLIOGRAFI**

'Abd al-Rabb Nawwab al-Din al-Nawwab, *Ta'akhkhur Sin al-Zawaj* (Riyad: Dar al-'Asimah, 1415H), 172-173. 66 Jalal al-Sanad, "Ta'akhkhur Sin al-Zawaj laday al-Syabab al-Jami'i: Dirasah Maydaniyyah 'ala 'Aynah min Talabah Jami'ah Damsyiq", *MajAllah Jami'ah Damsyiq* 23, no. 1 (2007), 83-124.

Abdul Halim Abd. Kadir, Nor 'Azzah Kamri dan Baharom Kassim, "Maqasid Syariah: Isu-isu Kepenggunaan, Realiti dan Cabaran," dalam *Maqasid Syariah Isu-isu Kepenggunaan: Realiti dan Cabaran*, ed.

Abdul Karim Ali dan Mohd Nazri Chik (Shah Alam: Persatuan Ulama'Malaysia, (2013), 1-25.

Abu al-Hasan 'Ali bin Umar bin Ahmad bin Mahdi bin Mas'ud bin al-Nu'man bin Dinar al-Baghdadiy, *Sunan al-Daruquthni*, (Mesir: Wazarah al-Aufaq al-Mishriyyah, t.th), j. 8, h. 346.

Agusri Fauzan Pernikahan Sirri (Kontekstualisasi Pemahaman Hadis dalam Studi Kasus di Indonesia) Jurnal Islamika: Jurnal Ilmu-Ilmu Keislaman p-ISSN:1693-8712|e-ISSN: 25027565 Vol. 21, No. 01, Juli , 17 – 25 (2021).

## **Hebahan Pernikahan Menerusi Media Sosial : Penelitian Mengikut 266 Hukum Syarak dan Situasi Semasa Terhadap Ekonomi**

Ahmad bin 'Ali bin al-Mutsanna abu Ya'la al-Maushuli al-Tamimi, *Musnad Abi Ya'la*, (Damaskus: Dar al-Ma'mun li al-Turats, 1984), j. 6, h. 446.

Ahmad bin Hanbal, Musad Ahmad bin Hanbal, (Kairo: Muassasah Qurtubah, t.th), j. 4, h. 5.

Al-Bukhārī, Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, dalam Ṣāliḥ bin 'Abd al-'Azīz al-Shaykh, *Mawsū'at al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. (Riyādh: Dār al-Salām), (2000).

Al-Nawāwī, Abū Zakariyyā Yaḥyā bin Sharf. *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawāwī*. Kaherah: Dār al-Taqwā, t.t.

Al-Qurṭubī, Abū 'Abd Allāh Muḥammad. *Al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'an*, ed. Muḥammad Ibrāhīm al-Hafnawī dan Maḥmūd Ḥāmid 'Uthmān. (Kaherah: Dār al-Ḥadīth), (2002).

Al-Shāfi'ī, Muḥammad bin Idrīs. *Al-Umm*. (Mansoura: Dār al-Wafā'), (2001).

Al-Sharbinī, Shams al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Khaṭīb. *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma'rīfah Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, (1994).

Anas Zarqa', "A Partial Relationship in a Muslim's Utility Function," dalam *Reading in Microeconomic – An Islamic Perspective*, ed. Arsyad, Aisyah. "Menuju Fikih Gender: Analisis Hadis Tentang Perintah Mengumumkan Pernikahan." *Tahdis: Jurnal Kajian Ilmu Al-Hadis* 8.2 (2019).

Arsyad, Aisyah. "Menuju Fikih Gender: Analisis Hadis Tentang Perintah Mengumumkan Pernikahan." *Tahdis: Jurnal Kajian Ilmu Al-Hadis* 8.2 (2019).

Asnilawati Arifin. "Mahar dan Hantaran dalam Masyarakat Aceh dan Kelantan: Kajian Menurut Perspektif Hukum Islam" (Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009).

**267 Azhan Taqiyaddin bin Arizan, Nor Musfirah binti Mohammad, and Shahirah Nadiah binti Shaharuddin**

Azhar Abdul Aziz. "Amalan Perkongsian Pendapatan Antara Suami Isteri dalam Keluarga Islam di Malaysia: Analisis Terhadap Sumbangan Isteri Bekerja dalam Perbelanjaan Rumah Tangga" (Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, 2012).

Basri Abd Ghani, Sayuti Abd Ghani dan Jamal Ali, "Kepenggunaan Islam dalam Masalah Asas Ekonomi", *Jurnal Intelek* 5, no. 1 (2010), 1-13.

Blakely, Kristin, "Busy Brides and the Business of Family Life: The Wedding-planning Industry and the Commodity Frontier", *Journal of Family Issues* 29, no. 5 (2008), 639-662.

Cheol Park, "Consumption in the Korean Wedding Ritual: Wedding Ritual Values, Consumer Needs, and Expenditures", *Journal of Family and Economic Issues* 18, no. 2 (February 1977), 191-209.

Damanik, Nurliana. "Teori Pemahaman Hadis Hasan." Shahih (Jurnal Kewahyuan Islam) 2.2 (2020).

Dian Mustika, "Pencatatan Perkawinan dalam Undang-Undang Hukum Keluarga di Dunia Islam", *Inovatif; Jurnal Ilmu Hukum*, Vol. 4. No. 5 (Juli, 2015), 54.

Fatimah Abdullah, "Dari Halaman Rumah ke Dewan Merak Kayangan", *SARI Jurnal Alam dan Tamadun Melayu* 27, no. 1 (Jun - Disember 2009), 97-107.

Fatimah Abdullah, Mohamad Zain Musa dan Farid Mat Zain, "Perkahwinan dan Keluarga dalam Masyarakat Cam", *SARI Jurnal Alam dan Tamadun Melayu* 28, no. 2 (2010), 155-173.

Gusmia Arianti. *kepuasan remaja terhadap penggunaan media sosial instragram dan path*, Print ISSN:1412-7873; Online ISSN: 2598-7402 (2017).

Hadis yang semakna dengan ini juga diriwayatkan oleh al-Bukhari, Muslim, Abu Dawud, Ibnu Majah, al Darimi, Imam Malik, dan Imam Ahmad bin Hanbal. Lihat: Maudina, Aldila. *Walimah Urs dalam Perspektif Hadis*. BS thesis. (2018), h. 32.

**Hebahan Pernikahan Menerusi Media Sosial : Penelitian Mengikut 268  
Hukum Syarak dan Situasi Semasa Terhadap Ekonomi**

Hanan 'Isa Ahmad al-Riba, "al-Dawabit al-Syar'iyyah li Haflat al-Khitbah wa al-'Aqd wa al-Zifaf: Dirasah Fiqhiyyah Mu'asirah" (Tesis Sarjana, Universiti Yarmuk, 2009).

Hantaran Kahwin Tinggi Punca Ramai Membujang,' *Kosmo*, (10 Ogos 2013), 2 Haris Hidayatulloh. 2019. Maisih, Tinjauan Hukum Islam Terhadap Tradisi Pamoghi Dalam Resepsi Perkawinan, Jurnal Hukum Keluarga Islam Volume 4, Nomor 1, April 2019; ISSN: 2541-1489 (cetak)/2541-1497 (online) Jombang, (2019),hal.1-29.

Ibn Majah, Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Yazīd al-Rab'i. "Sunan Ibn Majah", dalam al-Shaykh, *Mawsū'at al-Hadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, (2591).

Ibn Qudāmah. *Al-Mughnī*, ed. 'Abd Allāh bin 'Abd al-Muhsin al-Turk dan 'Abd al-Fattāh Muḥammad al-Halw. Riyadh: Dār 'Alam al-Kutub, 1986.

Jalila Hajji, "A Moroccan Wedding Ceremony Between Traditions and Modernity: The Role of Women in the Preparations" (Tesis Sarjana, Universiti Tromso, 2008).

Jannah, Shofiatul "Penundaan Perkawinan di Tengah Wabah Covid-19", *Jurnal Ilmiah Akhwal Syakhshiyah*, Vol. 2, No.1 (2020).

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dicapai 13 Mac 2013, <http://www.kpwkm.gov.my/documents/10156/95f9e1b3-24bb-4cce-af4b-da9bf8317f2e>

Mappi, Yepiter "keabsahan hukum pernikahan tanpa adanya Walimatul Ursy di Masa Kahar Pandemi", *jurnal bimbingan dan konseling keluarga*, Vol .2 No. 2 (2020).

Mohamad Akram Laldin, "Peng'Urusan dan Perbelanjaan Harta dalam Islam: Keutamaan dan Pendekatan," dalam *Maqasid Syariah Isuisu Kepenggunaan: Realiti dan Cabaran*, ed. Abdul Karim Ali dan Mohd Nazri Chik (Shah Alam: Persatuan Ulama' Malaysia, 2013),27-46.

**269 Azhan Taqiyaddin bin Arizan, Nor Musfirah binti Mohammad, and Shahirah Nadiah binti Shaharuddin**

Monzer Kahf, "A Contribution to the Theory of Consumer Behaviour in an Islamic Society," dalam *Studies in Islamic Economics*, ed. Khurshid Ahmad (United Kingdom: The Islamic Foundation, 1980), 19-36.

Muhammad Abdul Manan, *Islamic Economics: Theory and Practice* (Cambridge: The Islamic Academy, 1986) 44-47.

Muhammad bin Hibban bin Ahmad Abu Hatim al-Tamimiyy al-Bistiy, Shahih Ibnu Hibban, (Beirut: Muassasah al-Risalah, 1994), j. 9, h. 374.

Musa Aripin, "Eksistensi Urf Dalam Kompilasi Hukum Islam", Jurnal Al Maqasid, Vol. 2, No. 1, (2016), hal.208.

Nur Azizah Pulungan, *Haruskah ada Walimatul 'Urus?*, Jakarta Selatan: Rumah Fiqih Publishing, (2018).

Quanbao Jiang, Yanping Zhang dan Jesus J. Sanchez-Barricarte, "Marriage Expenses in Rural China", *The China Review* 15, no. 1 (Spring 2015), 207-236.

Qurratul Aien Fatah Yassin, "Pendekatan As-Sunah dalam Menangani Fenomena Kahwin Lewat di Kalangan Masyarakat Islam di Malaysia", dalam *Sunnah Nabi: Realiti dan dan Cabaran Semasa*, ed. Fauzi Deraman, Ishak Sulaiman, Faisal Ahmad Shah (Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011), 296.

Rabiatul Adawiyah Abd Rahman, "Assessing the Transformations of the Malay Wedding Foodways: A Social Perspective" (Disertasi Sarjana, Universiti Teknologi Mara, 2009).

Raihanah Azahari, Khairun Najmi Saripudin dan Raihana Abd Wahab. "Hubungan di antara Faktor Demografi dengan Penentuan Kadar Hantaran: Kajian di Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak", *Jurnal Fiqh* 6 (2009), 123.

Raihanah Azahari. "Pengaruh Budaya dalam Penentuan Kadar Mahar." Dalam *Hukum Islam dan Budaya Tempatan*, ed. Md. Saleh Md. Ahmad, Abd Karim Ali, Ridzwan Ahmad dan Mohamad.

**Hebahan Pernikahan Menerusi Media Sosial : Penelitian Mengikut 270  
Hukum Syarak dan Situasi Semasa Terhadap Ekonomi**

Rinwanto, Rinwanto, and Yudi Arianto. "Kedudukan Wali Dan Saksi Dalam Perkawinan Perspektif Ulama Empat Mazhab (Maliki, Hanafi, Shafi'i Dan Hanbali)." *AL MAQASHIDI* 3.1 (2020): 82-96.

Sanders, Richard. "Kedudukan Istri, Anak, dan Warisan dalam Pernikahan Siri yang Marak Terjadi di Masyarakat Ditinjau dari UU Perkawinan." *Al Qodiri: Jurnal Pendidikan,Sosial dan Keagamaan* 18.1 (2020).

Sayyid Tahir et. al. (Shah Alam: Longman Malaysia Sdn. Bhd.,1992), 105-112.

Shams al-Dîn Muhammad bin Abi al-'Abbâs Ahmad bin Ḥamzah, *Nihâyah al-Muhtaj ilâ Sharḥ al Minhâj*, Juz.6 (Beirut: Dar al-Kitâb al-'Ilmiyah, 2003), 369. Bandingkan Amir Syarifuddin, *Hukum Perkawinan Islam di Indonesia; Antara Fiqh Munakahat dan Undang-Undang Perkawinan* (Jakarta: Kencana Prenada Media Group, 2014), 156-157.

Surtahman Kastin Hasan, "Perbelanjaan Bermanfaat dan Tidak Membazir Menurut Perspektif Islam", *Jurnal Syariah* 10, no. 2 (2007), 87-98.

Surtahman Kastin Hassan dan Sanep Ahmad. *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, (2010).

Syaikh Al-Islâm Syihâb Al-Dîn Abî Al-'Abbâs Ahmad ibn Muhammad ibn 'Ali ibn hajar AlHaitamî, *Tu'fâh Al-Mu'tâj bî Syarh Al-Minhâj* (Beirut: Dâr Al-Kutub Al-'Ilmiyyah, 2010 M).

Syaikhul Arif. 2018. "Resepsi Pernikahan Dalam Islam", *Jurnal Aktualita*, Vol. 9, No. 1, (2018).

Syarifuddin, Amir. *Hukum Perkawinan Islam di Indonesia*. (Jakarta: Kencana, 2006).

Syh Noorul Madihah binti Syed Husin.2014 "Mas Kahwin dalam al-Quran dan Implikasinya Terhadap Penentuan Kadar." Dalam *Etika Kerja dan Peng'Urusan Harta*. Ed. Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali, Syed Mohd Azmi Syed Abdul Rahman, Wan Yusof Wan Chik dan

**271 Azhan Taqiyaddin bin Arizan, Nor Musfirah binti Mohammad, and Shahirah Nadiah binti Shaharuddin**

Syed Mohd Hafiz Syed Omar (Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin, 2014), 69-85.

Syh Noorul Madiyah Syed Husin. *Gelagat Perbelanjaan Perkahwinan Masyarakat Melayu Muslim Menurut Perspektif Syariah*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya (2017).

Tahir Muhammad Matar al-Adinat “Mazahir al-Zifaf al-Mu’asir min Manzur Islami” (Tesis Sarjana, Universiti Mu’tah, 2006).

Taimiyah, Ibnu. *Majmu’ Fatawa Tentang Nikah*, (Jakarta: Pustaka Azzam, 2002).

Vivi Kurniawati, *Nikah Siri* (Jakarta: Rumah Fiqih Publishing, 2019).

Wizarah al-Auqâf wa al-Shu’ûn al-Islâmiyah, *al-Mausu’ah al-Fiqhiyah*, Juz. 41 (Kuwait: Wizarah al Auqâf wa al-Shu’ûn al-Islâmiyah, 2002), 225.

Zaidi Abd. Rahman (Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006), 315-324.

Zhu N, Zhang D, Wang W, Li X, Yang B, Song J. 2019, A Novel Coronavirus from Patients with Pneumonia in China, *N Engl J Med*. 2020, hal.33. Abdul Syukur al-Azizi, Sakinah Mawaddah Wa Rahmah, cet. ke-1Diva Press, Yogyakarta, (2017), hal. 56.